

19/01/2003

`Singapura patut ada maruah'

Jamhariah Jaafar

SEMANGAT setia kawan Malaysia - Singapura bagaikan sudah luntur dan rapuh. Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, di Hanoi, empat tahun lalu, untuk meleraikan masalah kedua-dua negara secara pakej terus menemui jalan buntu di meja rundingan.

Pakej yang dirancang terburai di tengah jalan hasil daripada sikap Singapura yang enggan bertolak ansur terutama membabitkan isu semakan harga bekalan air dan isu antara kedua-dua negara semakin panas apabila tuntutan ke atas Pulau Batu Putih turut disenaraikan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Negeri paling panas daripada hubungan yang semakin `tegang' ini ialah Johor. Ikuti wawancara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR bersama Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, mengenai kesan hubungan yang semakin renggang ke atas Johor.

BAGAIMANA Datuk menilai hubungan Malaysia-Singapura yang semakin hari semakin serius, kerana ia memberi kesan secara langsung kepada Johor?

Isu antara kita dengan Singapura memang banyak dan semua tertanggung. Antaranya isu air, ruang udara, CPF, penambakan laut, tuntutan Pulau Batu Putih dan banyak lagi... yang tertanggung itu memang banyak dan banyak juga yang bertambah. Bagaimanapun, semua isu ini adalah antara kerajaan dan kerajaan, rakyat keseluruhan tidak terbabit secara langsung. Bagaimanapun, mereka turut memerhati dengan teliti dan menunggu mengenai bentuk penyelesaiannya.

Secara rambang, kalau kita tengok antara rakyat Johor dan Singapura, sebagai masyarakat terdekat, apapun yang heboh terutama sejak kebelakangan ini ia tidak mendatangkan kesan serius. Rakyat Singapura masih ke Johor macam dulu juga, begitu juga sebaliknya. Bagaimanapun, bagi rakyat Johor mereka sedikit sebanyak berasa tidak begitu senang dengan tindak- tanduk Kerajaan Singapura. Dalam isu penting seperti bekalan air dari negeri ini ke republik itu saja, kita melihat Singapura nampaknya melewatkan usaha untuk penyelesaian dan mungkin mengambil kesempatan daripada harga murah (sekarang) untuk mendapat sebanyak boleh air mentah.

Dalam isu seperti ini satu-satunya jalan penyelesaian kita mungkin melalui timbang tara, kerana cara lain termasuk penyelesaian politik telah menemui jalan buntu. Memang telah diperuntukkan dalam perjanjian bahawa jika kedua-dua negara menemui jalan buntu maka ia perlu diselesaikan melalui pembentukan satu timbang tara. Setakat ini penyelesaian cara politik tidak dapat satu rumusan, kerana Singapura terutama lebih banyak menggunakan sudut perundangan. Mereka begitu terperinci untuk mentakrif perjanjian yang kita tanda tangani dari sudut perundangan, dan bakal menggunakan lompang di dalam perjanjian yang ada untuk mengetepikan usaha kita membuat semakan harga.

Antara sudut perundangan yang ditekan Singapura ialah peruntukan yang menetapkan semakan semula harga air dibuat selepas 25 tahun. Kelihatan ada kelemahan dalam Perjanjian Air yang ditandatangani pada 1961 dan 1962 itu.

Seperti saya katakan tadi, mereka mengatakan semakan semula perlu dilakukan on the dot iaitu sebaik saja tempoh 25 tahun berlaku iaitu semakan perlu dilakukan pada 1986 dan 1987. Republik itu menggunakan ruang luas dalam mentakrif perjanjian dari segi perundangan dalam usaha mempertahankan tindakan untuk melakukan semakan. Justeru, Malaysia agak musykil mengapa (Menteri Kanan) Lee Kuan Yew sanggup menawarkan 45 sen

ketika datang berunding di Kuala Lumpur tahun lalu, tapi ketika berada di Singapura, Menteri Luarnya, Jayakumar mengatakan 45 sen itu ditawarkan dalam bentuk pakej iaitu turut membabitkan isu ruang udara, CPF, tanah KTM dan lain-lain.

Tapi apabila Perdana Menteri kita menegaskan isu itu perlu diasingkan, mereka pantas mengumumkan harga 45 sen itu gugur... ini pada kita adalah helah untuk perundingan yang pasti akan lebih sukar.

Bagi Malaysia, kita masih bertegas dan akan menyelesaikan perkara ini secara profesional. Singapura mungkin mengandaikan kita masih terus memerlukan bekalan air bersih daripada mereka, dan dengan itu mereka boleh terus berpegang kepada harga tiga sen.

Adakah proses timbang tara adalah penyelesaian terbaik kepada isu air?

Jika semua usaha lain menemui jalan buntu. Cara paling mudah ialah penyelesaian politik sebagai keputusan muktamad tapi sekiranya sukar sangat kita perlu melihat cara dan persiapan lain. Tapi perlu saya tegaskan di sini, walaupun air adalah hak Kerajaan Negeri tetapi selepas perpisahan antara Malaysia dan Singapura, Perjanjian Air Johor-Singapura 1961 dan 1962 diangkat sebagai bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Datuk mengumumkan Johor akan berhenti membeli air bersih dari Singapura.

Saya rasa itu adalah perkara paling logik untuk dilakukan sekarang terutama untuk memenuhi keperluan Johor bagi jangka masa sederhana dan panjang. Satu kita mempunyai kekayaan sumber air, kedua, kita mempunyai kemampuan untuk membuat pelaburan dan ini pada paras RM400 juta bagi membina sebuah loji baru.

Ketiga, kita memang mempunyai kepakaran bagi menggunakan teknologi terbaik dan kompetitif. Johor dijangka akan mencapai jumlah penduduk sehingga lima juta dalam tempoh 10 tahun akan datang dan hampir tiga juga akan berada di Selatan Johor iaitu Johor Bahru, Kota Tinggi dan Pontian. Jadi keperluan Johor di selatan akan meningkat begitu besar, saya yakin Singapura juga tidak mampu untuk terus membekal air bersih sekiranya kita terus membeli dari mereka. Jadi berasaskan semua faktor itu kita perlu menyediakan bekalan air bersih daripada kekayaan sumber air mentah yang dimiliki kita sendiri, dengan menggunakan semua kepakaran dan kemampuan yang kita ada sepenuhnya. Ini adalah untuk kepentingan seluruh Johor amnya dan selatan Johor sendiri khususnya, bagi jangka masa panjang.

Sungai Sedili antara sumber air yang besar di Johor, walaupun ia memerlukan saluran paip yang agak panjang berbanding saluran yang diperlukan di Sungai Pulai atau Sungai Skudai. Tapi ini adalah projek yang diperlukan bagi keperluan Johor sendiri.

Adakah tidak kemungkinan perjanjian air dengan Singapura yang akan berakhir pada 2011 dan 2061 tidak akan dilanjutkan langsung?

Kerajaan memang telah membuat keputusan bahawa perjanjian yang akan berakhir pada 2011 tidak akan diperbaharui lagi. Apabila perjanjian itu berakhir pada 2011 Johor akan mengambil alih semua sumber bekalan dari Sungai Pulai, Sungai Skudai dan Sungai Besar. Dan ini memang diketahui Singapura.

Republik itu juga hanya menunjukkan minat terhadap persoalan apa yang bakal berlaku selepas perjanjian 1962 berakhir pada 2061... itu yang dikatakan mereka perlu mendapat gambaran lebih jelas. Soalnya ialah mereka berkata mereka perlu mendapat pendirian Malaysia. Jadi pendirian Malaysia pula ialah kita perlu mendapat persetujuan membabitkan semua perkara membabitkan bekalan air terutama harga sebelum membuat keputusan. Persoalan kita ialah harga tiga sen itu yang langsung tidak munasabah sehingga 2061.

Kita memang setia dengan perjanjian dibuat tapi yang kita inginkan ialah semakan harga air mengikut peruntukan yang disediakan oleh kedua-dua perjanjian yang ada. Apabila kita tanya rakyat Singapura, mereka juga

berasaskan harga sedia ada dan harga yang ditawarkan Singapura tidak munasabah. Dalam hal ini - barang ialah barang kita, kita yang hendak jual dan pembelinya adalah Singapura, jadi sepatutnya perlu ada persetujuan yang munasabah atau urusan jual beli berkenaan. Tanyalah mana-mana rakyat Singapura mereka juga berasa harga yang ditawarkan tidak munasabah dan mereka juga inginkan sesuatu keputusan lebih bijak dicapai kerana tidak begitu yakin dengan air baru keluaran republik itu (NeWater) yang dihasilkan daripada sumber yang pelbagai.

Tapi akhirnya Malaysia akan terus jadi 'orang yang baik' dan hormatkan jiran, mungkin akan bertolak ansur kerana sentimen tidak mahu mencetuskan konflik tidak diingini. Adakah senario ini akan berlaku?

Kita akan ikut apa yang ada di dalam perjanjian. Peruntukan membenarkan kita membuat semakan harga selepas 25 tahun. Alasan mereka ialah 25 tahun mesti 'on the dot' tapi adakah disebabkan permintaan kita untuk menyemak harga selepas perjanjian itu melampaui usia 25 tahun itu gugur dan terbatal... itu adalah tidak munasabah. Singapura patut ada maruah, takkan ia mahu terus membeli barang pada harga begitu rendah daripada dulu (sebelum berpisah dengan Malaysia) hingga sekarang. Takkan ia begitu daif dan miskin sehingga terus mahu membeli barang berdasarkan harga barang tahun 1962. Kerajaan Malaysia terutama Perdana Menteri begitu jelas dalam pendirian, harga mesti disemak. Harga pada 1962 memang duit satu sen masih bernilai, tapi sekarang harga tiga sen itu wajib disemak semula.

Mengenai isu paling hangat sekarang, perebutan membabitkan Pulau Batu Putih sejarah terbukti pulau itu milik Johor tapi mengapa hanya pada akhir 1980-an baru Johor membuat desakan supaya Singapura menyerahkan semula kepada kita?

Soal ini berbangkit apabila Singapura sendiri bertanya Batu Putih siapa punya? Kalau betul jika dakwaannya bahawa pulau itu dimilikinya, sewajarnya ia tidak membangkitkan soal statusnya. Itu antara yang mencetuskan soal pulau itu hak negara mana. Kalau sepanjang masa ini ia fikir pulau itu memang miliknya, republik itu tidak sepatutnya menimbulkan persoalan itu.

Bagi pihak Malaysia selama ini kita memang tidak pernah berhenti daripada terus membuat pengamatan dan rondaan di kawasan berkenaan. Ini bukan suatu perkara yang perlu diheboh-hebohkan kerana ia membabitkan isu strategik negara. Kita tidak pernah mengabaikan tanggungjawab kita kerana pulau itu masih berada dalam perairan dan kedaulatan kita. Keadaan yang membuatkan kita tertekan dan kelihatan seolah-olah salah langkah apabila ada kumpulan ke sana dan berhadapan dengan bot besar dari republik itu dan kumpulan dari Malaysia itu berpatah balik... itu yang mencetuskan konflik. Selama ini kita memang berada di perairan itu setiap masa dan mereka tidak berani berbuat apa-apa. Dan Perdana Menteri sendiri menegaskan, Singapura tidak akan berani melakukan apa-apa.

Tapi apabila ada laporan mengatakan kita berpatah balik itu yang menyebabkan rakyat Malaysia berasa seolah-olah kita tertekan. Jika seperti kata kepada kami Dr Mahathir, 'awak (Singapura) di sana, saya (Malaysia) juga di sana' dan 'kalau awak lakukan (sebarang tindakan), kita juga boleh lakukan perkara yang sama'.

Jadi soal pada kita sebenarnya tidak berbangkit sama sekali tuntutan bertindih. Hujah kita memang dari segi sejarah East Hindia Company (Inggeris) diberi kebenaran menjaga rumah api itu dengan persetujuan Sultan Johor pada 1844, bukan pulau itu ditukar hak milik kepada mereka. Kemudian apabila Temasek jadi Singapura, tidak ada pula undang-undang mengatakan tidak lebih 10 batu daripada darat menjadi sebahagian daripada Singapura... jika hendak diukur jarak Pulau Batu Putih terletak lebih 60 batu dari Singapura dan hanya 12 batu dari Teluk Romania, Johor. Jadi pada kita selama ini memang tidak berbangkit langsung mengenai soal pulau itu

milik siapa... ia memang milik Malaysia.

Timbul lagi satu isu kali ini membabitkan Pulau Merambong, kelihatannya rakyat Singapura mendarat di sana tanpa sebarang keizinan. Apa cara kita untuk mengelak pulau itu daripada mengalami nasib yang sama seperti Batu Putih?

Dari segi bidang tugas iaitu Imigresen dan Polis Marin, Kerajaan Persekutuan akan melakukan pengawasan. Kerajaan Johor akan mengkaji untuk mengambil pendekatan bersepadu. Tapi kita juga akan mengkaji untuk membuat penempatan atau membangunkan ia sebagai pulau peranginan. Malahan kita juga akan berbuat perkara sama di Pulau Pisang.

Dalam isu Sipadan dan Ligitan, ICJ menyerahkan kedua-dua pulau itu berasaskan penduduk yang menetap di sana adalah warga Malaysia, tapi dalam hal Batu Putih ini jika itu menjadi alasan utama maka apa peluang Malaysia?

Singapura telah mentadbir rumah api di pulau itu selama 150 tahun. Apabila ICJ membuat keputusan berdasarkan siapa yang menguruskan Sipadan dan Ligitan bukan kepada asas sejarah. Mungkin asas sejarah di sana tidak begitu jelas maka keputusan itu berlaku. Maka apabila kita kaji kedudukan Batu Putih, jika mengambil alasan ICJ memberi Sipadan dan Ligitan kepada Malaysia mungkin kita tersepit, tapi jika berdasarkan kepada sejarah, dokumen yang ada jarak pulau itu daripada kedua-dua negara maka ia sah milik Malaysia.

Isu antara Malaysia-Singapura menjadi semakin besar dan serius. Singapura juga kelihatan semakin angkuh dan tidak menghiraukan semangat kejiwaan dalam hampir setiap tindakan yang turut memberi kesan kepada Malaysia. Apa perasaan Datuk sebagai pemimpin negeri yang menerima kesan langsung daripada sikap Singapura itu?

Istilah yang boleh digunakan ialah Singapura mempunyai seige mentality (mentaliti terkepung) kerana bimbang dikelilingi oleh negara milik rumpun Melayu di rantau ini. Mereka juga dilihat bertindak tidaklah seperti masyarakat berjiran, lebih mirip kepada pendekatan Barat dan dalam hubungan lebih berdasarkan kepentingan diri semata-mata. Dengan kononnya menjadi sebuah negara maju dan berjaya, mereka berbangga dan tidak mahu kalah... hendak menang sentiasa. Ini adalah mentaliti yang ada pada Kerajaan Singapura.

Tidak keterlaluan juga jika kita katakan ada `saki baki politik' tahun 60-an di mana ketika Singapura masih berada dalam Malaysia. Saki baki itu masih berada dalam pemikiran mereka. Saya sebagai anak muda pada masa itu mengikuti gelagat pemimpin Singapura ketika masih dalam Malaysia dan ada generasi itu yang masih mempunyai tempat dan peranan dalam republik itu sekarang. Jadi kita campur semua sekali, ia menjelaskan sikap dan tindakan Kerajaan Singapura dalam hubungannya dengan Malaysia. Pada masa yang sama dengan taraf hidup di Singapura yang semakin tinggi, republik itu kini semakin hilang nilai kompetitif dalam segala hal. Jika mengatakan mereka lebih efisien, tapi kita terus memiliki ruang besar untuk meningkatkan efisiennya dan kita kini masih mempunyai nilai kompetitif dan itu menjadikan Malaysia kini menjadi pesaing utama republik itu.

Ini yang bagi saya mereka dalam keadaan resah dalam perhubungannya dengan Malaysia. Walaupun ia berkata tidak mengendahkan sangat saingan dari Malaysia sebaliknya memberi tumpuan lebih kepada China atau India, tapi kita tahu hakikat sebenarnya.

Apabila Tim Huxley menulis buku bertajuk *Defending The Lion City: The Armed Forces of Singapore*. Apa perasaan anda sebagai pemimpin negeri yang terdekat dengan republik itu?

Kononnya mereka bakal menggunakan advanced war strategy, tapi soalnya sejauh mana Singapura sendiri mampu bertahan baik di republik itu mahu jika berada di negara ini. Bagaimanapun rakyat Malaysia mempunyai banyak

pengalaman untuk mempertahankan negara ini. Jadi kami tidak bimbang dan saya tidak fikir Singapura berani melakukan apa yang dicadangkan... mereka hanya bluffing.